



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepe.com



**SIGNIFIKAN KURSUS FALSAFAH DAN ISU SEMASA (FIS)
DALAM PEMBENTUKAN AKHLAK DAN MORAL DI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

*SIGNIFICANT PHILOSOPHY AND CONTEMPORARY COURSE IN THE
FORMATION OF AKHLAK AND MORALS AT UNIVERSITY OF MALAYSIA
SABAH*

Syamsul Azizul Marinsah^{1*}, Habibah @ Artini Ramlie², Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin³, Irma Wani Othman⁴

¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah

Email: syamsulazizul@ums.edu.my

² Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah

Email: habibah_artini@ums.edu.my

³ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah

Email: mnhidayath_h@ums.edu.my

⁴ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah

Email: irma@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 31.12.2021

Revised date: 25.01.2022

Accepted date: 28.02.2022

Published date: 15.03.2022

To cite this document:

Marinsah, S. A., Ramlie, H. A., Hajimin, M. N. H. H., & Othman, I. W. (2022). Signifikan Kursus Falsafah Dan Isu Semasa (FIS) Dalam Pembentukan Akhlak Dan Moral Di Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (45), 127-136.

Abstrak:

Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) merupakan salah satu kursus generik yang wajib diambil oleh para mahasiswa di seluruh IPT Malaysia bermula pada sesi pengambilan 2019/2020. Sehubungan itu, pelaksanaan kursus FIS di peringkat institusi pengajian tinggi adalah sangat signifikan dan relevan dalam konteks dunia hari ini yang semakin meruncingkan terutamanya dalam aspek akhlak dan moral manusia. Pengabaian kepada kursus ini menyebabkan aspirasi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam membentuk insaniah dan sahsiah yang holistik bagi semua pelajar IPT tidak tercapai. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis elemen-elemen pembentukan akhlak dan moral dalam modul pengajian kursus FIS yang dilaksanakan di Universiti Malaysia Sabah (UMS). Kajian ini termasuk dalam penelitian kualitatif. Justeru, kajian ini menggunakan reka bentuk analisis dokumen yang terdiri daripada modul FIS, jurnal dan tinjauan artikel berkaitan pembentukan akhlak dan moral. Hasil kajian mendapati wujud beberapa elemen yang mampu menyumbang ke arah pembentukan akhlak dan moral dalam modul pengajian

DOI: 10.35631/IJEPC.745010

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)

kursus FIS yang ditawarkan di Universiti Malaysia Sabah iaitu psikologi dan sosiologi, falsafah agama dan falsafah etika.

Kata Kunci:

Falsafah dan Isu Semasa, Pembentukan Akhlak, Moral, UMS

Abstract:

The Philosophy and Contemporary Issues (FIS) course is one of the generic courses that must be taken by students in all Malaysian HEIs starting from the 2019/2020 intake session. Accordingly, the implementation of FIS courses at the level of institutions of higher learning is very significant and relevant in the context of today's world which is increasingly acute, especially in the aspects of human morality and ethics. Due to the abandonment of this course, the aspirations of the Ministry of Higher Education (MOHE) in the formation of holistic human capital and personality formation of all institute of higher learning students have not been achieved. Therefore, the objective of this study is to analyse the elements of moral and ethical formation in the study modules of FIS courses implemented at Universiti Malaysia Sabah (UMS). This study is included in a qualitative study. Thus, this study uses a document analysis design consisting of FIS modules, journals and reviews of articles related to moral and ethical formation. The findings of the study revealed that there are several elements that can contribute towards the formation of morals and ethics in the learning modules of FIS courses offered at Universiti Malaysia Sabah, namely psychology and sociology, religious philosophy and ethical philosophy.

Keywords:

Philosophy and Contemporary Issues, Moral Formation, UMS

Pengenalan

Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) merupakan salah satu kursus umum yang wajib diambil oleh para mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). di Malaysia Pelaksanaan kursus FIS di IPT sangat relevan kerana selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), yang bertujuan untuk memastikan siswazah di IPT seluruh Malaysia berfikiran kritis dan muluk peribadi. Perlaksanaan kursus ini diputuskan sebagai kursus Wajib Universiti melalui Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri Bil.4/2019 pada 12 Jun 2019 (Pengemaskinian Struktur Kursus MPU, 2019).

Kursus FIS mempunyai keunikan dan keistimewaan tersendiri berdasarkan modul kandungan kursus yang sangat bermanfaat kepada semua mahasiswa dalam membentuk potensi diri secara menyeluruh dan bersepadu dalam aspek ilmu pengetahuan serta kemahiran insaniah (Marinsah & rakan-rakan, 2020). Ia selaras dengan aspirasi negara yang peka terhadap transformasi kurikulum semasa. Justeru, artikel ini cuba menjelaskan signifikan kursus FIS dalam membentuk akhlak dan moral dalam kalangan mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah (UMS) berdasarkan penelitian terhadap modul kursus FIS, yang diguna pakai sejak kursus ini mula diperkenalkan di seluruh IPT di Malaysia sehingga kini.

Konsep Akhlak dan Moral

Secara umumnya, akhlak menurut perspektif etimologi boleh dilihat dalam *Kamus Dewan* (2005), yang membawa makna “budi pekerti, kelakuan, tabiat.” Menurut Abdullah Yusof (1979), perkataan akhlak sinonim dengan istilah-istilah lain antaranya “adab; kelakuan; tabiat; watak; budi pekerti; tatatertib; moral; perangai; budi bahasa; tingkah laku; perbuatan; sikap; usul; sifat; pekerti; takah.” Kesemua istilah ini memberi makna yang sama dengan akhlak dan moral iaitu berkait rapat dengan perbuatan dan tingkah laku manusia. Dalam penulisan ini, pengkaji menyamakan istilah akhlak dan moral memandangkan kedua terma ini mempunyai konotasi makna yang hampir sama.

Menurut terminologi pula, Al-Ghazali mendefinisikan akhlak sebagai “suatu sikap yang berakar umbi dalam jiwa yang daripadanya terbit pelbagai perbuatan secara spontan dan mudah tanpa perlu kepada pemikiran dan pertimbangan sama ada baik ataupun buruk (Abul Quasem, 1978). Hal yang sama juga dikatakan oleh Ibn Miskawayh (1966) bahawa akhlak merujuk kepada suatu situasi yang bertempat dalam diri seseorang individu dan ia berfungsi sebagai daya dan kekuatan yang mengarah seseorang untuk melakukan segala tindakan.

Abdullah Hassan Mydin (2021) pula merumuskan bahawa akhlak merupakan manifestasi atau pencerminan tentang kedudukan jiwa seseorang. Apabila jiwa seseorang itu bersih dari noda dan maksiat, maka lahirlah akhlak yang mulia. Sebaliknya, akhlak yang buruk lahir jika bertentangan dengan nilai-nilai agama dan budaya. Hal yang sama ditegaskan oleh Mohd Nasir Omar (2015) dalam bukunya *Falsafah Akhlak*. Namun beliau membezakan di antara terma akhlak dan falsafah akhlak. Menurut beliau, akhlak merujuk kepada suatu disposisi (situasi, hal ataupun keadaan) yang terjana dalam jiwa seseorang, manakala ‘falsafah akhlak’ pula merujuk kepada ilmu yang mengkaji disposisi kejiwaan tersebut.

Pelaksanaan Kursus FIS di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UMS

Pada asasnya, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), UMS telah ditubuhkan pada penghujung tahun 1994 dengan tujuan menawarkan kursus-kursus teras universiti kepada semua mahasiswa daripada pelbagai fakulti di UMS. Pusat ini ditubuhkan untuk merealisasikan visi dan misi UMS, iaitu melahirkan pelajar yang berketerampilan dan seimbang dalam semua bidang ilmu pengajiannya. Hal ini ditegaskan oleh Ahmat Adam (2005) selaku dekan PPIB yang pertama (1994-2005) bahawa, tujuan utama penubuhan PPIB ialah untuk melahirkan mahasiswa yang bukan sahaja berketrampilan dari segi disiplin ilmu pengkhususannya, tetapi berketrampilan di dalam kerjaya lain yang lebih holistik seperti dalam bidang komunikasi, pemikiran kritikal, dan penguasaan bahasa. Penawaran kursus di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa dikelompokkan dalam tiga kluster/gugusan iaitu

1. Gugusan Wajib Universiti (6 jam kredit)
2. Gugusan Bahasa-Bahasa (8 jam kredit)
3. Gugusan Pengajian Liberal (6 jam kredit).

Pengkelompokan kursus FIS dalam Kursus Gugusan Wajib Universiti (GWU) bermula pada sesi 1 2020/2021. Kursus ini telah menggantikan Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS), yang wajib diambil oleh semua pelajar IPT di seluruh Malaysia bermula pada sesi akademik 1998/1999 (Mohamad Azhari & rakan-rakan, 2012). Kursus ini bertujuan untuk memberi pengenalan terhadap ilmu falsafah yang mencakupi Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Rukun Negara. Penggunaan falsafah sebagai medium untuk memurnikan budaya pemikiran dalam kehidupan melalui seni dan kaedah berfikir serta konsep insan. Topik utama dalam kursus ini antaranya pengenalan dalam ilmu falsafah, epistemologi, metafizik, logik, dan

etika dibincangkan dalam konteks isu semasa. Penekanan diberi kepada falsafah sebagai asas bagi menjalin dialog antara budaya serta memupuk nilai sepunya (Propektus Prasiswah, UMS 2020/2021).

Dalam konteks merentas pengalaman UMS, bermula pada sesi pengajian 2000/2001, kursus TITAS merupakan antara kursus terbesar dalam gugusan Ilmu Pemikiran dan Falsafah yang ditawarkan di PPIB, sama ada dari segi bilangan jam kredit dan bilangan pelajar (Marinsah & rakan-rakan, 2019). Bagi memudahkan pengurusan akademik, penawaran kursus TITAS diselang-selikan dengan Kursus Sejarah Pembentukan Bangsa Malaysia (kini dikenali dengan Kursus Hubungan Etnik) antara pelajar aliran sastera dan sains. Misalnya, semester I pelajar aliran sains akan mendaftar kursus TITAS, manakala pelajar aliran sastera akan mendaftar kursus Sejarah Pembentukan Bangsa Malaysia (Hubungan Etnik) (Sintang & Kassim, 2005). Penawaran secara selang-seli ini berterusan sehingga kini bagi kursus FIS yang menggantikan kursus TITAS, dan kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEDP) yang menggantikan kursus Hubungan Etnik.

Modul/Silibus Kursus FIS di PPIB, UMS

Penawaran Kursus FIS di IPTA dan IPTS khususnya di PPIB, UMS adalah selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menekankan perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu. Jadual 1.1 menunjukkan kandungan kursus FIS.

Jadual 1.1: Kandungan Kursus FIS

Bab	Topik	Senarai Kandungan
1	Pengenalan Falsafah dan Isu Semasa	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Pengenalan Subjek Falsafah dan Isu Semasa ➤ Falsafah Negara – Rukun Negara ➤ Falsafah Pendidikan Negara ➤ Falsafah Sejahtera ➤ Senario dan Kajian Kes
2	Falsafah dalam Kehidupan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Konsep Falsafah ➤ Peranan Ilmu Falsafah ➤ Cabang Ilmu Falsafah
3	Logik dan Metodologi	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Ilmu logik dan Peranannya ➤ Apa itu penghujahan? ➤ Penghujahan Deduktif ➤ Penghujahan Induktif ➤ Falasi dan Isu Semasa
4	Psikologi dan Sosiologi	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Konsep Insan dalam Falsafah Moden ➤ Konsep Insan dalam Falsafah Tamadun Islam ➤ Konsep Insan dalam Falsafah Tamadun India ➤ Konsep Insan dalam Falsafah Tamadun Cina ➤ Hubungan Tuhan, Alam dan Insan dalam Tradisi Agama Timur ➤ Hubungan Tuhan, Alam dan Insan dalam Tradisi Barat Moden ➤ Insan dari Perspektif Falsafah Pendidikan Kebangsaan
5	Metafizik	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Definisi Metafizik ➤ Metafizik dari Perspektif Falsafah

		<ul style="list-style-type: none"> ➤ Metafizik dari Perspektif Agama dan Kepercayaan ➤ Teori-Teori Kewujudan ➤ Sistem Metafizik yang Berkaitan dengan Kefahaman Keagamaan
6	Epistemologi	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Konsep Epistemologi ➤ Apakah Definisi Ilmu? ➤ Kaedah Memperolehi Ilmu ➤ Jenis dan Klasifikasi Ilmu ➤ Apakah Teori Kebenaran?
7	Ideologi	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Aliran Ideologi Semasa ➤ Cabaran Ideologi Relativisme Pascamoden ➤ Fenomena dan Manifestasi Relativisme Pascamoden ➤ Implikasi Relativisme Pascamoden dalam Kehidupan ➤ Jawapan Agama dan Tradisi Terhadap Relativisme Pascamoden
8	Dekolonisasi	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Maksud Kolonisasi Epistemologi Universiti & Ilmu ➤ Persoalan Yang Perlu Dipertanyakan terhadap Kolonisasi/Hegemoni/Dominasi Epistemologi Universiti & Ilmu Eropah Barat

Sumber: *Table 4*, Kursus Falsafah dan Isu Semasa, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa.

Selain daripada modul silibus di atas, Kursus FIS juga mempunyai asas penilaian lain merangkumi tugas kumpulan (esei, portfolio dan pembentangan kumpulan) dan tugas individu (kuiz/poster). Lazimnya dalam tugas kumpulan, para mahasiswa diberi kebebasan untuk memilih satu tajuk tugas yang berkaitan dengan isu-isu semasa berkaitan falsafah. Tugas ini diberikan agar para mahasiswa mampu membentuk akhlak dan moral dengan melakukan kerja kumpulan yang beretika.

Signifikan Kursus FIS dalam Pembentukan Akhlak dan Moral berdasarkan Modul Pengajian Kursus FIS

Signifikan Kursus FIS dalam pembentukan akhlak dan moral dalam kalangan mahasiswa dibincangkan mengikut pembahagian topik-topik utama, iaitu Pengenalan ilmu falsafah, falsafah dalam kehidupan, logik dan metodologi, psikologi dan sosiologi, metafizik, epistemologi, ideologi dan dekolonisasi. Sementara itu, hasil pembelajaran kursus ini sama di semua IPT di Malaysia iaitu (*Table 4*, Kursus Falsafah dan Isu Semasa, PPIB) iaitu;

1. Menjelaskan isu semasa berlandaskan ilmu falsafah, Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukun Negara.
2. Menghuraikan isu semasa berdasarkan aliran pemikiran utama dalam pelbagai aliran falsafah.
3. Menganalisis isu semasa melalui perspektif perbandingan falsafah sebagai asas bagi menjalinkan dialog antara budaya.

Oleh hal yang demikian, Kursus FIS merupakan satu wadah dalam memberikan pengisian pembentukan akhlak dan moral. Hal ini diperjelaskan melalui analisis beberapa elemen yang diajar dan diterapkan dalam modul pengajian seperti elemen-elemen berikut;

Psikologi dan Sosiologi

Psikologi dan sosiologi merupakan elemen penting dalam pembentukan akhlak dan moral dalam kursus FIS. Psikologi merupakan suatu disiplin ilmu yang dibuat secara sistematis dan saintifik bagi membincangkan persoalan mental dan pemikiran terutamanya berhubung dengan perilaku manusia dan haiwan (Yahaya & Wan Razab, 2008). Manakala sosiologi pula merupakan ilmu yang memperihalkan perkembangan, organisasi, kehidupan dan sebagainya masyarakat manusia (Ab Majid, 1996). Justeru, perbincangan konsep manusia dalam modul pembelajaran kursus FIS adalah bertujukan kepada hakikat bahawa manusia perlu mencapai kebahagiaan dan kesejahteraan dalam kehidupan. Menurut Aristotle (1962), manusia merupakan makhluk rasional (*man is a rational animal*) yang merupakan elemen tertinggi dalam diri manusia. Manusia dikurniakan akal fikiran untuk membezakan perbuatan baik mahupun buruk. Keistimewaan ini hanya dimiliki oleh makhluk Tuhan yang dinamakan manusia. Hal ini bermakna, pembentukan akhlak dan moral itu sama ada baik atau sebaliknya ditentukan oleh agama dan kepercayaan, namun diurustadbir oleh manusia itu sendiri.

Perbincangan akhlak, etika dan moral dalam Tamadun Islam misalnya boleh dilihat menurut perspektif Imam Al-Ghazali. Menurut Al-Ghazali (1964), tujuan hidup manusia adalah untuk mencapai kebahagiaan di alam dunia dan alam akhirat. Menurut beliau, kebahagiaan di dunia hanyalah bersifat sementara (*majazi*) manakala kebahagiaan di alam akhirat adalah kekal (*hakiki*). Kebahagiaan hakiki dapat dicapai menerusi jalan kenabian dengan menyucikan diri dari akhlak *mazmumah* (tercela) dan menghiasinya dengan sifat-sifat *mahmudah* (terpuji) di samping mengisi hati dengan ilmu dan hikmah. Manusia pada asalnya adalah suci dan diri mereka sendiri yang mencorakkan perilaku kehidupan mereka.

Sebaliknya dalam agama kristian, konsep manusia itu berbeza yang mana menganggap bahawa manusia pada asalnya adalah bersifat jahat rentetan daripada doktrin *original sin* (dosa warisan). Oleh yang demikian, setiap penganut dalam agama Kristian wajib berbuat baik dan melepaskan diri daripada perilaku-perilaku buruk. Hal yang sama ditekankan dalam pemikiran Falsafah India. Konsep kepercayaan inkarnasi dalam tamadun India membuktikan bahawa akhlak dan moral menjadi asas kepada konsep inkarnasi (kelahiran semula) (Leo D, 2003). Etika yang baik sewaktu hidup menjanjikan kelahiran yang baik pada masa akan datang dan begitu juga sebaliknya.

Bagi Tamadun Cina pula, penekanan perilaku moral dan akhlak boleh dilihat umpamanya dalam falsafah Konfusianisme yang menekankan prinsip-prinsip etika yang harus diikuti dalam usaha mencapai kebahagiaan (Omar & rakan-rakan., 2004). Perkara yang sama juga ditekankan dalam sistem keluarga dan orientasi nilai dalam Tamadun Cina. Sistem kekeluargaan dalam masyarakat Cina yang dikenali sebagai *Wu Lun* yang menekankan akhlak dan moral kepada lima hubungan kekeluargaan dan konsep *Wu Chang* yang merangkumi lima nilai utama iaitu *Ren* (kemanusiaan), *Yi* (keadilan), *Li* (kesopanan), *Zhi* (kebijaksanaan), *Xin* (amanah) (Bakar & rakan-rakan, 2009; Omar & rakan-rakan, 2004)

Ringkasnya, hasil pembelajaran bab psikologi dan sosiologi dalam modul kursus FIS antaranya adalah untuk menghubungkaitkan antara konsep manusia berdasarkan *world-view* dan pemahaman yang jelas dalam pembentukan insan yang seimbang dan harmoni dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani (Musa & Bidin, 2020). Insan sejahtera adalah insan yang seimbang dari semua aspek termasuklah pembentukan akhlak dan moral dalam diri seseorang.

Falsafah Agama

Pada dasarnya, silibus kursus FIS yang digunakan di UMS dan IPT seluruh Malaysia tidak memfokuskan persoalan falsafah agama. Walau bagaimanapun, persoalan-persoalan berhubung agama dibincangkan dalam falsafah metafizik memandangkan fokus kajian berhubung ketuhanan adalah sama. Metafizik ialah satu disiplin ilmu yang mengkaji mengenai hakikat kewujudan segala sesuatu perkara atau benda (Randall, 1946; Samian, 1997; Long, 2017). Aristotle mendefinisikan metafizik sebagai *the study of the first principle and causes of the things* (Hamilton & rakan-rakan, 1965). Fokus utama ilmu metafizik adalah membahaskan perkara-perkara yang melampaui alam fizikal (Azdi & Mastura, 2020). Dalam erti kata lain, metafizik adalah asas kepada ilmu falsafah. Antara skop perbincangan dalam metafizik ialah isu kewujudan Tuhan, persoalan takdir, kewujudan syurga dan neraka, kewujudan roh, persoalan kebaikan dan keburukan dan seumpamanya.

Justeru, dalam modul FIS, perbincangan berhubung dengan agama dibincangkan dalam bab metafizik. Perbincangan agama merupakan elemen yang sangat penting dalam pengajian ketamadunan kerana ia sebahagian daripada kehidupan manusia dan menjadi keseimbangan pencapaian sesebuah tamadun dari aspek rohani dan material (Bakar & rakan-rakan, 2009). Sehubungan itu, agama memberikan signifikan yang sangat penting dalam membentuk perilaku akhlak dan moral. Dalam erti kata lain, agama merupakan asas dalam pembentukan akhlak manusia. Tanpa ikatan agama, pendidikan akhlak tidak akan kekal malah hanya bersifat sementara yang akhirnya membawa kepada kegagalan pembinaan bangsa (Suhid, 2007). Hal ini dapat dibuktikan melalui pengukuran penghayatan agama sesuatu bangsa, dinilai dengan neraca ketinggian akhlak bangsa tersebut (Salleh, 1985). Pada masa yang sama juga, perbandingan tersebut lebih ketara umpamanya seperti negara-negara sekular yang menolak sama sekali ajaran-ajaran agama (negara-negara Komunis yang mengamalkan falsafah hidup ateisme). Menurut Sulaiman Nordin (2001), sekularisme merupakan kebudayaan Barat yang menular ke dalam corak pemikiran dan kebudayaan masyarakat kini. Fahaman ini mementingkan nilai yang tiada hubungan dengan alam rohani atau akhirat. Justeru, ia menghakis nilai moral atau akhlak manusia.

Kepentingan agama dalam pembentukan moral dan modal insan pernah diperkatakan oleh Mahathir Mohammad (1999) seperti berikut;

“Agama adalah masih relevan dalam masyarakat pelbagai agama seperti Malaysia. Tidak mengendahkan atau mengenyepikannya adalah tidak bijak. Suatu masyarakat yang sepenuhnya sekular tidak boleh diwujudkan di Malaysia. Agama-agama rakyatnya mesti memainkan peranan mereka”

Ringkasnya, peranan agama dalam pembentukan akhlak dan moral sangat penting. Elemen tersebut dapat dilihat dalam kursus FIS terutamanya dalam membincangkan persoalan sistem-sistem metafizik seperti Theisme, Monotheisme, Atheisme, Agnotisme, dan seumpamanya.

Falsafah Etika

Falsafah etika boleh ditakrifkan sebagai suatu disiplin ilmu yang mengkaji sistem moral dan tingkah laku manusia dalam hidup mereka melalui pemahaman falsafah. Dalam kursus FIS, falsafah etika tidak diajar dalam satu bab yang khusus. Namun demikian, pendedahan berhubung topik ini dijelaskan dalam Bab 2 (Falsafah dalam Kehidupan) khususnya dalam subtopik falsafah praktikal yang menghuraikan falsafah etika, falsafah politik, falsafah ekonomi, dan falsafah peradaban di samping kemunculan-kemunculan falsafah baharu seperti falsafah teknologi, ekologi dan seumpamanya.

Antara persoalan asas yang dibincangkan dalam disiplin ilmu falsafah etika antaranya ialah; (Omar, 2015)

1. Apakah itu elemen kebaikan dan elemen keburukan?
2. Apakah nilai-nilai kebaikan yang boleh diterima oleh semua manusia?
3. Siapakah yang menentukan elemen yang baik dan buruk?
4. Apakah kriteria khusus dan neraca yang dapat menentukan sesuatu perbuatan sama ada baik ataupun buruk?
5. Apakah faktor penting yang mempengaruhi tingkah laku manusia?
6. Apakah sistem moral yang sepatutnya diamalkan?
7. Adakah sistem moral yang diamalkan oleh seseorang sama dengan sistem moral yang dianuti oleh orang lain?

Pada masa yang sama juga, dalam bab ini, pelajar cuba diajar untuk berfikir secara kritis dan menganalisis konsep penting dalam sistem moral seperti konsep keadilan, kesederhanaan, keberanian, kebahagiaan, kebaikan, keburukan, kebebasan, aspek niat, motif, tanggungjawab dan seumpamanya. Kesemua elemen akhlak dan moral ini dapat dilihat dalam bab 8 (Dekolonisasi). Dalam bab ini, pelajar didedahkan dengan disiplin ilmu etika sebagai epistemologi amali, konsep etika dalam kehidupan sejahtera, konsep etika dalam pelbagai agama dan seumpamanya.

Kesimpulan

Signifikan kursus FIS dalam membentuk akhlak dan moral di IPTA/IPTS khususnya di UMS tidak dapat disangkal. Kursus FIS yang ditawarkan adalah selari dengan Falsafah Pendidikan Negara untuk memperkembangkan potensi pelajar secara bersepadu bagi mewujudkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Dalam erti kata lain, penawaran kursus Wajib termasuk kursus FIS tidak hanya memfokuskan kepada teori dan ilmu semata-mata, tetapi pada masa yang sama menerapkan elemen pembentukan sahsiah dan jati diri sebagai salah satu aspirasi dan tunjang penting dalam membentuk mahasiswa yang holistik di Malaysia. Justeru, terdapat elemen-elemen pembentukan akhlak dan moral dalam Modul Pengajian kursus FIS yang digunakan di Universiti Malaysia Sabah. Subtopik dan elemen yang dikenalpasti dalam modul pengajian FIS dalam membentuk akhlak dan moral yang baik ialah psikologi dan sosiologi, falsafah agama dan falsafah etika.

Rujukan

- Ab Majid, M, K., (1996). Sosiologi Islam: Suatu Pengenalan. *Jurnal Usuluddin*. Vol. 3, 103-114.
- Abul Quasem, M. (1978). *The Ethics of al-Ghazali: A Composite Ethics in Islam*. New York: Caravan Book.
- Al-Ghazali. (1964). *Mizan Al-'Amal*. Kaherah. Dar Al-Maarif.
- Aristotle. (1962). *Nicomachean Ethics*. Indianapolis: Bobbs Marill. Salleh, A. A. Q.(1985). *Dasar-Dasar Pendidikan Menurut Islam*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Azdi, W. M. F., & Mastura. (2020). Konsep Tuhan Dan Agama Dalam Metafizik Stephen Hawking (1942-2018) Menerusi Brief Answers to The Big Questions: Suatu Analisis Dari Perspektif Islam. *E-Proceedings of The International Conference On Aqidah, Religions And Social Sciences (Sigma10)*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.

- Bakar, M. A., Mohd Said, S. N., Sabil, S., Mohammad Roose, A. R., Aden, E., & Marawi, Z. (2012). Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran Kursus TITAS; Kajian Tinjauan Persepsi Pelajar. *Regional Conference on Cross Cultural Communication and National Integration 2012 (RECCNI 2012)*. Kuala Lumpur.
- Bakar, O., Baharuddin, A., & Ahmad, Z. (ed.). 2009. *Modul Pengajian Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hamilton, J.R., Reagan, C.E & Tilghman, B.R. (1965). *Readings for an Introduction to Philosophy*. Macmillan: The University of California.
- Kamus Dewan*. (2010). Ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Long, A. S. (2017). *Sejarah Falsafah*. Edisi Keempat. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Leo D. (2003). *Penyataan Allah, Agama dan Kekerasan*. Jakarta: BPK Gunung Mulia.
- Marinsah, S. A., Abang Muis, A. M. R., Esa, M. S., Othman, I. W., Ramlie, H. A., & Mokhtar, S. (2021). Pengajaran Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) dalam Membentuk Pemikiran Kritis: Penelitian Terhadap Modul Kursus Fis di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*. Vol. 6. No. 39. 137-149.
- Marinsah, S. A., Sintang, S., Ramlie, H.A., & Hasbollah Hajimin, M. N. (2019). Pengajaran Kursus TITAS dan Kepentingannya dalam Pembentukan Keharmonian Beragama: Penelitian terhadap Modul Kursus TITAS di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Miskawayh & al-Tawhidi. (1966). *Tahdhib al-Akhlaq* (C.K. Zurayk 1968. *The Refinement of Character*, Trans). Beirut: American University of Beirut.
- Mohamad, M. (1999). *The International Conference on Religious Studies: Meeting the Millennium* in Kuala Lumpur, Malaysia, pada 30 Disember 1999.
- Musa, N. Y. & Bidin, A. (2020). Psikologi dan Sosiologi (Konsep Insan I). Dalam Md Nawi, N. H. (Ed.), *Modul Falsafah dan Isu Semasa*. Kelantan: Penerbit UMK.
- Mydin, S. A. H., Muhammad Shukri, A. S., & Abdul Razak, M. A. (2020). Peranan Akhlak dalam Kehidupan: Tinjauan Wacana Akhlak Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 21 (1), 35-38.
- Nordin, S. (2001). *Sejarah Pemikiran 1: Sumber Ilmu, Perbandingan Ideologi dan 'Orde Baru Dunia*. Bangi: Pusat Pengajian Umum Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Omar, M. N. (2015). *Falsafah Akhlak*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Omar, R., Abu Bakar, S., & Muktar, S. N. (2004). Tamadun Cina. Dalam Khalid, E., & Abd Hamid, M. A. (Ed.), *Beberapa Aspek Tamadun Melayu, India, China dan Jepun*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Pengemaskinian Struktur Kursus Mpu - Pelaksanaan Kursus Falsafah Dan Isu Semasa & Kursus Penghayatan Etika Dan Peradaban. Dicapai pada 28 April 2021 daripada https://www.mqa.gov.my/pv4/bm/pubsnotificationletter_2019.cfm/
- Propektus Prasiswah, UMS 2020/2021). Dicapai pada 25 April 2021 daripada <http://bpa.ums.edu.my/index.php/ms/prospektus-prasiswazah/2020-2021/pusat/ppib>
- Randall Jr. & Herman, J. (1946). Metaphysics: Its Function, Consequences and Criteria. *The Journal of Philosophy* 43 (15): 401-412.
- Salleh, A. A. Q. (1985). *Dasar-dasar Pendidikan Menurut Islam*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Samian, A. L. (1997). *Pengenalan Sejarah dan Falsafah Sains*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Struktur Kursus PPIB. Dicapai pada 20 April 2021 daripada <http://www.ums.edu.my/ppib/ms?Itemid=125>

- Suhid, A. (2007). Pengajaran admissab & akhlak islam dalam membangunkan modal insan. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 8, 167-178.
- Table 4, Kursus Falsafah dan Isu Semasa. Dicapai pada 29 April 2021 daripada <https://smartv3.ums.edu.my/course/view.php?id=14815>
- Yahaya, A & Wan Raza, W. R. (2008). *Konsep dan Sejarah Perkembangan Psikologi dalam Psikologi Pendidikan*. Johor Bahru: Penerbit UTM.
- Yusof, A. (1979). *Kamus Sinonim*. Kota Bharu: Sharikat Diana Sdn Bhd.